

BN Ada Masa Perkukuh Dan Kuatkan Imej Parti Bagi Hadapi PRU-13 - Ahmad Zahid Bernama
12 Februari , 2012

HULU SELANGOR, 12 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) masih mempunyai masa untuk memperkukuh dan menguatkan imej parti serta individu yang akan bertanding pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Naib presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagi mencapai tujuan tersebut, perpaduan perlu diterapkan di kalangan pemimpin anggota parti serta parti komponen selain penekanan terhadap generasi muda yang merupakan pengundi baru.

"Perdana Menteri selaku Pengerusi BN telah meminta agar beberapa permasalahan yang berlaku di dalam parti serta di kalangan pemimpin dapat diperbaiki dan diselesaikan sebelum PRU-13.

"Kita perlu bertindak dengan segera dalam menyelesaikan masalah dalaman parti lebih awal dan bukannya selepas pembubaran dibuat seperti sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kompeni Askar Wataniah (AW) Wilayah Felda Peringkat Kebangsaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Gedangsa, Hulu Selangor di sini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Pertahanan berkata sebanyak 38.8 peratus pengundi yang akan mengundi pada pilihan raya umum akan datang adalah mereka yang berumur 40 tahun ke bawah.

Beliau mengulas laporan media mengenai kenyataan Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin yang menggesa anggota parti komponen BN supaya bersatu padu dan bekerja keras untuk memperoleh kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau turut menjelaskan langkah yang telah dilaksanakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin secara tidak langsung telah menjawab apa yang dilontarkan oleh Daim.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645154>